



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

#### **PEMBAHARUAN LESEN LYNAS – TIADA LAGI SISA RADIOAKTIF BOLEH DIHASILKAN OLEH LYNAS DI MALAYSIA**

---

Pada 17 Mei 2022, Lynas telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Tenaga Atom (JTA) dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (ketika itu) untuk menggugurkan empat (4) syarat lesen LPTA/A/1333 berkaitan pengurusan residu *Water Leach Purification* (WLP) dan aktiviti *cracking and leaching* (C&L) di *Lynas Advanced Materials Plant* (LAMP).

Selain itu, pada 26 Oktober 2022, Lynas telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen yang akan tamat pada 2 Mac 2023 kepada JTA.

Permohonan-permohonan ini telah dibawa untuk pertimbangan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) dalam beberapa siri mesyuarat yang telah diadakan. Sehubungan itu, pada 13 Februari 2023, Lembaga telah memaklumkan secara rasmi kepada Lynas Sdn Bhd berkaitan keputusan permohonan tersebut. Melalui mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada 19 Januari 2023:

1. Lembaga telah menolak permohonan Lynas untuk menggugurkan empat (4) syarat lesen berkaitan pengurusan residu WLP selepas Julai 2023, aktiviti C&L di LAMP dan pengimportan pekatan lantanid daripada Australia;

2. Lembaga telah meluluskan pembaharuan lesen Lynas untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 3 Mac 2023 sehingga 2 Mac 2026.

Justeru, semua syarat lesen yang telah diputuskan sebelum ini pada 3 Mac 2020 hingga 2 Mac 2023 perlu terus dipatuhi oleh Lynas. Sejak beroperasi di Malaysia pada tahun 2012, Lynas telah menghasilkan kira-kira 1.08 juta metrik tan sisa radioaktif (residu WLP). Jumlah sisa ini dijangka akan mencecah 1.2 juta metrik tan sehingga Julai 2023.

Kerajaan Perpaduan komited dalam mewujudkan persekitaran mesra perniagaan dan memahami kepentingan industri nadir bumi. Walau bagaimanapun, tidak ada mana-mana pihak yang berhak untuk menghasilkan sisa radioaktif secara berterusan di tanahair kita.

Maka, sementara mendapat lanjutan lesen selama 3 tahun, Lynas perlu mematuhi syarat yang telah dikenakan sejak Mac 2020 supaya aktiviti C&L yang menghasilkan sisa radioaktif akan dijalankan di Australia dan tiada aktiviti C&L dilakukan di LAMP di Gebeng, Pahang selepas bulan Julai 2023. Aktiviti-aktiviti lain yang tidak melibatkan penghasilan sisa radioaktif dibenarkan untuk terus beroperasi.

Dalam erti kata lain, tiada lagi sisa radioaktif tambahan daripada Lynas selepas bulan Julai 2023.

Sekian.

**YB CHANG LIH KANG**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

15 Februari 2023

## LATAR BELAKANG

Lynas Malaysia Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat milik Lynas Corporation Ltd., Australia (Lynas Australia). Syarikat ini mempunyai lesen pengoperasian sah selama tiga (3) tahun bermula 3 Mac 2020 sehingga 2 Mac 2023 di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]. *Lynas Advanced Materials Plant* (LAMP) merupakan kilang kimia yang dioperasikan oleh Lynas Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2022, operasi LAMP di Gebeng, Pahang telah memproses sebanyak 0.698 juta metrik tan pekatan lantanid yang diimport dari Mount Weld, Australia dan pemprosesan pekatan lantanid tersebut telah menghasilkan kira-kira 1.08 juta metrik tan residu *Water Leached Purification* (WLP). Pemprosesan pekatan lantanid melibatkan campuran seperti asid dan lain-lain bahan kimia bagi menghasilkan unsur nadir bumi dan residu.

WLP yang terhasil daripada pemprosesan LAMP disimpan sementara di kemudahan *Residue Storage Facility* (RSF) yang terletak di premis kilang. Residu WLP yang disimpan di RSF dijangka akan dipindahkan bermula Februari 2023 ke *Permanent Disposal Facility* (PDF) yang terletak bersebelahan premis kilang.

Selaras dengan ketetapan syarat lesen pada 3 Mac 2020 berhubung pengoperasian loji *Cracking and Leaching* (C&L) di luar negara, satu lawatan verifikasi pembinaan loji C&L Kalgoorlie-Boulder telah dilaksanakan pada 20 Disember 2022 dan hasil lawatan verifikasi mengesahkan bahawa status pembinaan loji C&L adalah di tahap 70 sehingga 80% serta dijangka akan beroperasi pada Julai 2023.